

SULIT



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2026

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
PENDIDIKAN ISLAM

1223/1

Kertas 1
Ogos 2026
2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*



Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

Jawab semua soalan.

1. (a) Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ① وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ② إِلَّا عَلَى أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ
أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ③ فَمَنْ ابْتَغَى وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ④ وَالَّذِينَ هُمْ
لَأَمْنَتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ⑤ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ⑥

(Surah al-Mu'minun: 4 - 9)

Ayat di atas menjelaskan tentang ciri-ciri mukmin yang berjaya.

- (i) Nyatakan dua ciri tersebut selain memelihara solat. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua akibat salah laku seksual. [2 markah]

حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ

Maksudnya: Marilah menunaikan solat.

- (iii) Mengapakah terdapat segelintir remaja hari ini mengabaikan seruan di atas? [2 markah]
- (iv) Huraikan bagaimana anda memastikan ibadat tersebut dilaksanakan dengan sempurna. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ! وَمَا هُنَّ؟
قَالَ: الشِّرْكُ بِاللَّهِ وَالسِّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ،
وَالنَّوَالِي يَوْمَ الرَّخْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ.
(متفق عليه)

Hadis di atas menjelaskan tujuh dosa besar yang wajib dihindari.

- (i) Apakah maksud membunuh? [2 markah]
- (ii) Senaraikan dua contoh perbuatan membunuh. [2 markah]

Perbuatan qazaf menyebabkan perpecahan dalam kalangan keluarga dan masyarakat

- (iii) Huraikan hujah anda untuk membenarkan pernyataan di atas. [4 markah]



(c) Nyatakan jenis *mad lazim* bagi potongan ayat berikut: [2 markah]

(i) وَلَا الضَّالِّينَ

(ii) كَهَيْئَتِ

2. (a) (i) Apakah maksud nama Allah SWT al-Muntaqim? [2 markah]

(ii) Jelaskan bukti kefahaman nama Allah SWT al-Muntaqim. [2 markah]

Seorang murid sering membuli rakannya di sekolah kerana merasakan dirinya kuat dan berpengaruh.

(iii) Bagaimanakah penghayatan terhadap sifat al-Muntaqim dapat mengatasi masalah di atas? [2 markah]

(iv) Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya masalah di atas tidak dibendung. [4 markah]

(b) (i) Nyatakan sejarah ringkas kemunculan aliran Khawarij. [2 markah]

(ii) Jelaskan dua prinsip utama aliran Khawarij yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 markah]



(iii) Mengapakah masih terdapat umat Islam yang terpengaruh dengan fahaman di atas? [2 markah]

(iv) Pada pendapat anda, adakah penguatkuasaan undang-undang sahaja sudah memadai untuk mengatasi fahaman di atas? Huraikan jawapan anda. [4 markah]

3. (a) Amalan mewakafkan harta merupakan amalan yang amat dituntut dalam Islam.

(i) Apakah maksud wakaf?

[2 markah]

(ii) Nyatakan dua contoh wakaf.

[2 markah]



(iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah amalan di atas dapat meningkatkan ekonomi umat Islam di negara kita?

[4 markah]

(b) (i) Jelaskan dua tanggungjawab isteri.

[2 markah]

Antara tanggungjawab suami dan isteri terhadap anak-anak ialah menerapkan pendidikan akidah Islam yang betul sejak daripada kecil.

(ii) Jelaskan kepentingan pendidikan di atas ke arah pembentukan generasi unggul.

[2 markah]

(iii) Huraikan kesan kepada institusi keluarga sekiranya tanggungjawab di atas diabaikan.

[4 markah]

(c) Jelaskan hukum dan alasan bagi situasi berikut:

(a) Suami melafazkan talak kepada isterinya yang dalam keadaan haid.

[2 markah]

(b) Abu kembali rujuk bekas isterinya yang diceraikan dengan talak tiga.

[2 markah]

4. (a) (i) Nyatakan dua pusat pemerintahan kerajaan Uthmaniyah. [2 markah]
 (ii) Terangkan dua faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah daripada aspek sosial. [4 markah]

Pemerintah terkenal kerajaan Uthmaniyah
Uthman bin Ertughrul
Murad I bin Urkhan
Muhammad al-Fateh bin Murad II
Sulaiman al-Qanuni bin Salim I

- (iii) Pada pandangan anda, apakah cabaran untuk membina generasi masa kini yang hebat sebagaimana tokoh di atas? Huraikan. [4 markah]
- (b) Kerajaan Khulafa al-Rasyidin ialah contoh kepimpinan terbaik sepanjang zaman.
- (i) Senaraikan dua ciri kepimpinan Saidina Ali bin Abi Talib. [2 markah]
 (ii) Jelaskan dua pencapaian pemerintahan kerajaan Khulafa al-Rasyidin dalam bidang agama. [4 markah]

Usaha mengumpul, menulis dan membukukan Al-Quran giat dijalankan pada zaman pemerintahan Khulafa al-Rasyidin membuktikan keprihatinan khalifah dalam memelihara al-Quran.

- (iii) Bagaimanakah usaha Khulafa al-Rasyidin di atas mampu diteruskan oleh generasi hari ini? [4 markah]



5 (a) Sifat tawaduk dapat menzahirkan kesucian jiwa.

- (i) Nyatakan maksud tawaduk. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua sifat tawaduk Rasulullah SAW ketika makan dan minum. [2 markah]

Kejayaan yang dikecapi oleh seseorang boleh menyebabkan seseorang itu menjadi lupa diri dan sombong.

- (iii) Apakah kesan sekiranya situasi di atas wujud pada individu muslim? [2 markah]
 - (iv) Bagaimanakah sifat tawaduk dapat mengelakkan situasi di atas? Huraikan. [4 markah]
- (b) (i) Jelaskan dua adab terhadap orang sakit daripada aspek fizikal. [2 markah]
- (ii) Terangkan hikmah beradab terhadap orang sakit. [2 markah]



- (iii) Berdasarkan gambar di atas, kaitkan tindakan individu A dengan adab terhadap orang sakit. [2 markah]
- (iv) Sebagai seorang rakan, apakah yang perlu anda lakukan agar tindakan individu A memenuhi tuntutan adab terhadap orang sakit? Huraikan. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

